KETOVID CREAM

Ketoconazole (2%w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Ketovid Cream
2. Bagaimana Ketovid Cream berfungsi
3. Sebelum meggunakan Ketovid Cream
4. Cara menggunakan Ketovid Cream
5. Semasa anda menggunakan Ketovid Cream
6. Kesan-kesan Sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Ketovid Cream
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Hak Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

Apakah kegunaan Ketovid Cream

Ketovid Cream digunakan untuk merawat jangkitan kulat dan yis pada kulit.

Bagaimana Ketovid Cream berfungsi?

Ketovid Cream mengandungi bahan aktif ketoconazole, sejenis antikulat yang berfungsi membunuh kulat yang menyebabkan jangkitan.

Sebelum menggunakan Ketovid Cream

- *Bila tidak boleh menggunakan*

Jangan gunakan Ketovid Cream jika anda alah kepada ketoconazole atau sebarang bahan lain yang terkandung di dalam ubat ini (disenaraikan dalam maklumat lanjut).

- *Sebelum menggunakan* Ketovid Cream

Mengandung dan menyusukan anak

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat.

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Beritahu doktor jika anda mengambil ubat-ubat lain, termasuk ubat-ubat yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Kerengsaan kulit mungkin berlaku jika Ketovid Cream digunakan selepas penggunaan steroid topikal yang lama. Sapukan steroid topikal pada waktu pagi dan Ketovid Cream pada waktu petang dan perlahan-lahan memberhentikan penggunaan steroid topikal dalam tempoh 2-3 minggu.

Cara menggunakan Ketovid Cream

- *Berapa banyak harus digunakan*

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- *Bila perlu digunakan*

Sapu pada kawasan yang berlaku jangkitan sebanyak 1 atau 2 kali sehari, atau seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

Rawatan pengekalan untuk dermatitis seborrheic (jangkitan kulit yang menjejaskan kulit kepala): Sapukan sekali atau dua kali seminggu.

- *Berapa lama perlu digunakan*

Gunakan Ketovid Cream mengikut tempoh yang ditetapkan oleh doktor anda dan teruskan menggunakan krim ini sehingga simptom jangkitan hilang sepenuhnya.

Tempoh rawatan biasanya dari 2 hingga 6 minggu, bergantung kepada jenis jangkitan anda.

Jika gejala masih berterusan selepas 4 minggu menggunakan krim, dapatkan nasihat doktor anda.

- *Jika anda terlupa menggunakan*

Sapukan dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan menyapu ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan sapukan dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- *Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)*

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa yang telah menggunakan dos yang berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Menyapu krim ini terlalu banyak boleh menyebabkan kemerahan, bengkak dan rasa terbakar, yang akan hilang apabila penggunaan krim dihentikan.

Semasa menggunakan Ketovid Cream

- *Perkara yang perlu dilakukan*

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Ketovid Cream.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- *Perkara yang tidak boleh dilakukan*

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan Ketovid Cream kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- *Perkara yang perlu diberi perhatian*

Elakkan dari terkena mata. Jika berlaku sentuhan, bilas dengan air sejuk.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Ketovid Cream boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

KETOVID CREAM

Ketoconazole (2%w/w)

Anda mungkin mengalami iritasi dan seperti kulit terbakar. Tindak balas alergi pada kulit seperti keradangan kulit turut dilaporkan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my *[Consumers → Reporting Side effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]*.

Cara penyimpanan dan pelupusan Ketovid Cream

- *Penyimpanan*

  Simpan di tempat yang dingin dan kering, di bawah suhu 30ºC.

  Jauhi daripada cahaya.

  Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

- *Pelupusan*

  Ubat tidak boleh dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Tanya ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- *Rupa dan warna produk*

  Krim legap berwarna putih atau putih pucat.

- *Bahan-bahan kandungan*
  - Bahan aktif
    - Ketoconazole
  - Bahan tidak aktif
    - Triethanolamine
    - Disodium EDTA
    - Butylated Hydroxytoluene
    - Sorbitan monooleate
    - Propylene Glycol
    - Polysorbate 60/Tween 60
    - Cetyl Alcohol
    - Purified Water
    - Stearyl Alcohol
    - Liquid Paraffin
    - Polysorbate 80 (Tween 80)

- *Nombor MAL*

  MAL05032550AZ

Pengilang & Pemegang Pendaftaran Produk

HOVID Bhd.
121, Jalan Tunku Abdul Rahman (Jalan Kuala Kangsar),
30010, Ipoh, Perak,
Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

HOVID Bhd.
121, Jalan Tunku Abdul Rahman (Jalan Kuala Kangsar),
30010, Ipoh, Perak,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

02/10/2024

Nombor Siri

NPRA(R4/1)210923/00079